

BULETIN

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

#03

JULAI
2018

Tahniah &
Selamat Datang
Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull



KASIH DISEMAI BAKTI
DITUAI—SELAMAT
DATANG KP SPRM m/s 2
BAHARU

SEMASA :
MESY. PENETAPAN
HALATUJU GLC m/s 3

m/s 3

SEKALUNG BUDI: TERIMA KASIH
PEGAWAI INTEGRITI AGENSI

m/s 2

m/s 9



PRAKATA

**Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh &
Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya di atas penerbitan Buletin BPIA Edisi kali ketiga pada tahun 2018 ini.

Tidak terlambat kiranya untuk saya mengalu-alukan kedatangan tahun ini yang telah kita isi dengan pelbagai inisiatif dan program-program dalam memerangi rasuah dan meningkatkan integriti.


Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), negeri dan entiti perniagaan milik Kementerian telah giat melaksanakan beberapa perbincangan dan kerjasama dengan GLC bagi memastikan penyampaian idea baru adalah lebih mampan. Diharapkan agar kerjasama ini dapat memungkin gerak kerja berterusan yang lebih efektif dan efisien dalam menginstitusikan integriti di GLC.

Sebelum mengakhiri kata, sekalung budi diucapkan kepada Pegawai-pegawai Integriti (CeIO) di agensi awam yang telah memberikan komitmen di dalam usaha memerangi rasuah dan meningkatkan integriti penjawat awam khususnya. Semoga momentum ini dapat dikekalkan selari dengan amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull dalam memperkasakan SPRM.

Sekian, terima kasih.

Dato' Junipah Binti Wandi

Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



SIDANG REDAKSI BULETIN BPIA

PENAUNG

KPj Dato' Sri Mohd Shukri Bin Abdull

PENASIHAT

TKPj Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil

KETUA SIDANG PENGARANG

TPj Dato' Junipah Binti Wandie

PENYELARAS

P/KPKPj Rasidah Binti Abdul Karim

PENGARANG DAN PRODUKSI

PPj RMalarvili a/p Ramachandran

Puan Nur Baiti Binti Mohd Othman

Puan Mazlina Binti Mohamad

Ps Siti Ashura Binti Mat Hanapiah

Ps Abdul Amidin Bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah Binti Haji Wan Hadion



KASIH DISEMAI BAKTI DITUAI..

DATO' SRI MOHD. SHUKRI BIN ABDULL KETUA PESURUHJAYA SPRM BAHARU



Setinggi - tinggi tahniah diucapkan kepada Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull di atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu bermula pada 18 Mei 2018.

Dato' Sri Mohd. Shukri telah berkhidmat selama 32 tahun bersama SPRM sebelum beliau bersara awal pada 31 Julai 2016. Jawatan terakhir yang dipegang beliau adalah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM.

Seluruh warga SPRM mengalu-alukan perlantikan Dato' Sri Mohd. Shukri bagi menerajui SPRM dan akan bersama-sama teguh di belakang YBhg. Dato' Sri dalam menyempurnakan amanah, tanggungjawab dan harapan rakyat bagi memastikan negara ini bebas daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

KASIH DISEMAI BAKTI DITUAI... Perjuangan suci diberkati Allah SWT InsyaAllah



SEMASA

Mesyuarat Penetapan Hala Tuju Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Tahun 2018

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah menganjurkan Mesyuarat Penetapan Hala Tuju Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Tahun 2018 pada 18 hingga 20 April bertempat di Hotel Impiana, Ipoh, Perak.

Mesyuarat ini diadakan untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pegawai dan wakil GLC mengenai hala tuju penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus GLC di dalam melaksanakan fungsi Unit Integriti. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan untuk menerangkan punca kuasa pelaksanaan Unit Integriti dan Tadbir Urus GLC yang berteraskan kepada Arahan YAB Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2018: Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di bawah Kerajaan Negeri. Mesyuarat juga turut membincangkan tentang Pelan Strategik 2018 – 2020 serta pelaporan Unit Integriti dan Tadbir Urus GLC.

Seramai 30 orang pegawai kanan yang terdiri daripada pegawai SPRM yang ditempatkan di Unit Integriti GLC dan wakil daripada GLC seperti Khazanah, Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Lembaga Angkatan Tentera (LTAT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ke mesyuarat tersebut. Turut hadir YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan).



SEMASA

Roundtable Discussion (RTD) on Integrity – Sharing on Best Practices Amongst GLCS' Integrity Officers

Roundtable Discussion (RTD) yang dipengerusikan oleh Dato' Rohaizad bin Yaakob, Ketua Unit Integriti PETRONAS adalah satu inisiatif oleh Unit Integriti PETRONAS yang merupakan satu platform perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik (*best practices*) daripada pegawai integriti (CeIO) di GLC yang lain. Ianya adalah satu perbincangan tidak formal yang hanya melibatkan pegawai-pegawai CeIO di GLC yang mana hasil perbincangan dan keputusan yang dibuat melalui sesi perbincangan ini akan dimaklumkan kepada pihak BPIA untuk sebarang tindakan.

Sesi perkongsian di dalam RTD yang diadakan pada 20 April 2018, jam 3.00-6.30 petang di Hotel Impiana, Ipoh ini melibatkan 3 pembentangan seperti berikut:

- i. Whistle Blower Policy and Standard Operating Procedure (SOP) – Bank Rakyat dan FGV
- ii. Anti Bribery Management System (ABMS) – Petronas dan Tabung Haji
- iii. Corporate Liability – Telekom Malaysia

Perbincangan seumpama ini disambut baik oleh CeIO di mana hasil daripada pembentangan yang dijalankan akan digunakan bagi menambahbaik pelaksanaan polisi sedia ada di entiti komersial masing - masing.



SEMASA

ANUGERAH PERAK KETUA PESURUHJAYA SPRM 2017

***Integrity and Governance Unit - Penghasilan Arahan Y.A.B Perdana Menteri
No. 1 Tahun 2018***

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan Arahan Y.A.B Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company - GLCs*), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri.

Keberkesanan penubuhan dan pelaksanaan Unit Integriti di agensi awam yang telah dikawalselia oleh SPRM melalui BPIA telah dijadikan sebagai penanda aras oleh Kerajaan untuk memanjangkan inisiatif ini kepada semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri.

Pada 25 Julai 2017, dalam majlis Invest Malaysia Kuala Lumpur 2017 (IMKL 2017) Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya agar semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company - GLCs*), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri supaya menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus yang akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus ini adalah diyakini dapat membantu Syarikat-Syarikat di dalam memperkuatkannya kawalan dalaman bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Seterusnya mewujudkan budaya perniagaan yang bersih dan sihat yang secara langsung akan meningkatkan ekonomi negara amnya.

Penghasilan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 ini dilihat dapat mengukuhkan lagi kewibawaan SPRM dalam menangani isu rasuah dan salah guna kuasa di GLCs .



SEMASA

ANUGERAH PERAK KETUA PESURUHJAYA SPRM 2017

*Integrity and Governance Unit - Penghasilan Arahan Y.A.B Perdana Menteri
No. 1 Tahun 2018*



BINGKISAN INTEGRITI

INTEGRITI CEMERLANG TERAS KEJAYAAN

Ariffin dan Ahmad (2016) dalam kajiannya menyatakan menangani segera persepsi ini. Realitinya, majoriti kakitangan, staf atau penjawat awam yang berkualiti penjawat awam mendukung prinsip integriti dalam tinggi merupakan aset penting terhadap kejayaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-sesebuah organisasi dan negara. Integriti dan etika masing bagi memberi perkhidmatan yang terbaik dalam pekerjaan dan organisasi bukan sekadar kepada semua lapisan masyarakat. Pelan Integriti penglibatan diri individu untuk menyediakan keperluan Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April dirinya sahaja, sebaliknya melibatkan tindakan baik 2004 merupakan antara langkah penting yang diambil yang dilakukan dalam kerja dan semua ini mempunyai oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan integriti dan kaitan erat dengan ajaran agama dan tanggungjawab pembudayaan nilai murni di kalangan semua lapisan sebagai manusia. Hakisan nilai integriti dalam kalangan rakyat dan institusi. Program anjuran SPRM seperti Ikrar penjawat awam akan mengakibatkan kepincangan Integriti Korporat (CIP) dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pentadbiran dan salah laku dalam organisasi.

Sejak akhir-akhir ini banyak diperkatakan mengenai

integriti yang melibatkan penjawat awam. Hampir saban hari paparan media menunjukkan penjawat awam membawa erti kualiti unggul yang wujud secara ditahan oleh pihak penguatkuasa dengan pelbagai keseluruhan dan padu dalam individu dan organisasi kesalahan. Walaupun aktiviti tersebut dilakukan oleh yang berkaitan erat dengan etika. Organisasi segelintir individu penjawat awam namun tempiasnya memerlukan modal insan yang mempunyai ciri-ciri dirasai oleh keseluruhan penjawat awam di negara ini. berdisiplin, bertanggungjawab, berpengetahuan,

Melalui kajian Nik, Azmi Awang & Azmi (2012) berkemahiran, rajin dan tekun, pantas bertindak, menyatakan prestasi dan integriti penjawat berorientasi pencapaian, jujur dan amanah. Sehubungan

perkhidmatan awam di Malaysia masih berada di tahap itu, setiap penjawat awam perlu sentiasa menjalankan bermasalah. Di peringkat antarabangsa, salah satu bukti tugas yang diamanahkan dengan bersistematis, adalah daripada Laporan Indeks Persepsi Rasuah

Antarabangsa (CPI) yang sejak tahun 1995-2010 telah mengekalkan Malaysia dalam kalangan negara tertinggi kadar rasuah iaitu di tangga 37 (2003) dan seterusnya tangga ke 56 bagi tahun 2010 (International Transparency 1995-2010). Tinjauan tahunan ini mengukur tahap rasuah di kalangan 176 negara di dunia yang terpilih.


Data terkini oleh Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa (CPI) 2016 menunjukkan Malaysia berkongsi tempat ke-55 dengan Croatia, dan skor CPI telah menurun dari 50 kepada 49. Skor ini menunjukkan Malaysia perlu

Ariffin dan Ahmad (2006), mentakrifkan integriti

memerlukan modal insan yang mempunyai ciri-ciri berdisiplin, bertanggungjawab, berpengetahuan, berkemahiran, rajin dan tekun, pantas bertindak, berorientasi pencapaian, jujur dan amanah. Sehubungan

Budaya kerja yang cemerlang bercirikan amalan nilai murni dan etika moral yang unggul bukan sahaja dapat menjamin pencapaian matlamat sesebuah jabatan malah mengurangkan permasalahan etika dan disiplin dalam perkhidmatan. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang juga menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan

budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.



BINGKISAN INTEGRITI

INTEGRITI CEMERLANG TERAS KEJAYAAN

Etika dan integriti dalam perkhidmatan perlu diperlihatkan oleh penjawat awam melalui perlaksanaan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka demi kepentingan umum. Sekiranya perbuatan tidak beretika dan tidak berintegriti dibiarkan berterusan tanpa usaha menanganinya maka ia berupaya menghilangkan kepercayaan masyarakat dan menjaskankan imej pekerja, negara serta melumpuhkan entiti korporat yang kukuh. Maka dapat difahami bahawa etika dan integriti dalam kalangan penjawat awam amat penting untuk dipupuk demi melahirkan bangsa Malaysia yang berdaya saing dan maju. Oleh demikian usaha memperkuatkan integriti dan tadbir urus yang terbaik memerlukan komitmen daripada semua pihak dalam perkhidmatan awam iaitu pegawai, kakitangan dan organisasi itu sendiri dengan mengikuti segala peraturan serta amalan-amalan terbaik. Agama Islam amat menggalakkan umatnya supaya berkerja dengan penuh amanah, jujur, muhibbah, kasih sayang dan kemesraan di antara majikan dengan pekerja dan di antara pekerja dengan pekerja dalam semua urusan perkhidmatan selagi tidak melanggar hukum-hukum syarak agar membentuk masyarakat berjaya dan bertaqwa.

Mohd Azmi Bin Ismail
Unit Integriti
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

*The foundation stones for
a balanced success are
honesty, character, **integrity**, faith,
love and loyalty*

Zig Ziglar

*The strength of a nation derives
from the **integrity** of the home*

Confucius



SEKALUNG BUDI

TERIMA KASIH DAN TAHNIAH KEPADA PEGAWAI INTEGRITI AGENSI AWAM

Sekalung budi dan tahniah diucapkan kepada semua pegawai-pegawai integriti (CeIO) yang telah ditempatkan di agensi-agensi awam sejak penubuhan Unit Integriti agensi awam direalisasikan pada tahun 2013. Pengorbanan, kerja keras dan komitmen yang diberikan di dalam memastikan rasuah diperangi dan integriti ditunjangi tiada galas gantinya tetapi akan dicatat di dalam sejarah negara sebagai salah satu usaha kerajaan untuk memastikan penjawat awam berfungsi di dalam suasana bebas rasuah dan penuh integriti. Pihak BPIA ingin mengucapkan setiingga tinggi penghargaan kepada kesemua CeIO yang telah ditempatkan di 31 Kementerian/Jabatan/Agensi. Semoga usaha dan titik peluh yang dicurahkan dapat menjadi titik tolak kepada transformasi negara cemerlang berintegriti.



BULETIN

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

#03

JULAI
2018

SEKALUNG BUDI



سَلَامٌٰ هَارِيٰ عَيْدَ الْفِطْرَةِ

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI



Tulus Ikhlas,

Bahagian Pengurusan Integriti Agenzi (BPIA)

LAPORKAN RASUAH



: 1-800-88-6000



: <https://portaladuan.sprm.gov.my>



: Muatnaik aplikasi MACC mobile di [App Store](#) | [Google Play](#) | [Windows Phone Store](#)

Terbitan:

Bahagian Pengurusan Integriti Dan Agenzi (BPIA)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Aras 8, Blok B
No. 2, Lebuh Wawasan
Presint 7
62250, Putrajaya

Tel : 03-88910044
Emel: urussetiaui@sprm.gov.my

